

SEREMBAN, 17 0608 (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGINGATKAN RAKYAT SUPAYA MENGAMALKAN SIKAP JIMAT-CERMAT SEBAGAI LANGKAH BERJAGA-JAGA BAGI MEMASTIKAN AGAR NEGARA TIDAK MENGHADAPI INFLASI YANG BURUK SEKIRANYA HARGA MINYAK NAIK BERIKUTAN KRISIS YANG BERLAKU DI NEGARA-NEGARA TELUK SEKARANG.

PERDANA MENTERI BERKATA RAKYAT HENDAKLAH MENGIKIS 'AMALAN +MENGEJAR BARANGAN YANG TIDAK MAMPU DIBELI+ AGAR KEADAAN YANG DIALAMI OLEH NEGARA-NEGARA AMERIKA LATIN YANG MENGALAMI KADAR INFLASI SEHINGGA 25,000 PERATUS SETAHUN TIDAK BERLAKU DI NEGARA INI PULA.

RAKYAT TERUTAMANYA KAKITANGAN KERAJAAN PERLU FAHAM BAGAIMANA INFLASI BOLEH BERLAKU DAN MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH MENGAWALNYA DARIPADA BERLAKU, KATANYA PADA PERJUMPAAN DENGAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KERAJAAN DI DEWAN MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN (MPS), DI SINI.

BELIAU BERKATA, INFLASI TIDAK AKAN DAPAT DIKAWAL SEKIRANYA KAKITANGAN KERAJAAN TERUS MAHU MEMBELI BARANGAN YANG MEREKA TIDAK MAMPU DENGAN MEMBUAT TUNTUTAN KENAIKAN GAJI.

+KALAU MEREKA CUBA KEJAR BARANG-BARANG YANG TIDAK MAMPU DIMILIKI, INFLASI AKAN BERLAKU DAN TIDAK MUNGKIN BOLEH DIKAWAL,+ KATANYA. -- LAGI.

1935MST 17 08 90

D360

U B145 DEB  
MAHATHIR - INFLASI 2 SEREMBAN

+SEBAGAI ORANG YANG MAKAN GAJI KAKITANGAN KERAJAAN HENDAKLAH SEDAR APABILA MEREKA CUBA MENGEJAR BARANG YANG TIDAK MAMPU DIBELI, INFLASI AKAN BERLAKU, DAN APABILA KEADAAN INI BERLAKU, MEREKA AKAN MENUNTUT GAJI LEBIH DAN BILA SUDAH MENDAPAT GAJI LEBIH, HARGA BARANG AKAN NAIK DAN PROSES ITU TERUS BERULANG SEPERTI INJIT-INJIT SEMUT SIAF. SAKIT NAIK ATAS+, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

KEADAAN ITU SUDAH TENTU AKAN MENGAKIBATKAN RAKYAT NEGARA INI BERASA TIDAK SENANG DAN MENGECEM KERAJAAN TETAPI KAKITANGAN KERAJAAN HARUS BERTANGGUNGJAWAB DAN FAHAM TENTANG BAGAIMANA INFLASI BERLAKU.

MEREKA HARUS SEDAR BAHAWA TINDAKAN MEREKA BOLEH MEMBERI KESAN BAIK DAN BURUK KEPADA EKONOMI NEGARA. KINI TERDAPAT KIRA-KIRA 860,000 ORANG PEKERJA DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN DI NEGARA INI.

+JIKA KITA TIDAK PANDAI MENGURUSKAN EKONOMI NEGARA, KITA AKAN MENGALAMI NASIB YANG SAMA SEPERTI DI NEGARA AMERIKA SELATAN,+ KATANYA.

BELIAU MENGINGATKAN BAHAWA HARGA BARANGAN TIDAK AKAN TERUS MENINGKAT SEMASA INFLASI SEKIRANYA ORANG RAMAI BERJIMAT DAN TIDAK MEMBELI BARANGAN YANG MEREKA TIDAK MAMPU. -- LAGI.

1949MST 17 08 90

D361

U B146 DEB  
MAHATHIR - INFLASI 3 SEREMBAN

HARGA BARANGAN SENTIASA MENINGKAT SEMASA INFLASI KERANA PENIAGA BIASANYA MENAIKKAN HARGA TERLEBIH DAHULU UNTUK MENGHADAPI KEMUNGKINAN KENAIKAN HARGA PADA MASA AKAN DATANG.

MENURUTNYA, KADAR INFLASI YANG DIALAMI DI NEGARA INI SEJAK DUA TAHUN LEPAS ADALAH KECIL IAITU KIRA-KIRA 2.5 PERATUS SETAHUN.

PERDANA MENTERI BERKATA PADA TAHUN 1978-1979 SEMASA HARGA MINYAK MENINGKAT, NEGARA MENGHADAPI KADAR INFLASI ANTARA 17 HINGGA 20 PERATUS SETAHUN DAN KADAR ITU SUDAH DIANGGAP TERLALU TINGGI.

BELIAU JUGA BERKATA MALAYSIA KINI DIANGGAP SEBAGAI SEBUAH NEGARA TERMAJU DI KALANGAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN DAN KEADAAN ITU HARUS DIKEKALKAN.

UNTUK ITU, KATANYA AMATLAH PENTING BAGI KAKITANGAN KERAJAAN MEMAHAMI PERANAN MEREKA DAN HUBUNGAN MEREKA DENGAN KERAJAAN.

SEBABNYA NEGARA DAPAT DIMAJUKAN IALAH KERANA KAKITANGAN KERAJAAN KHUSUSNYA FAHAM CARA-CARA PENTABDIRAN, DEMOKRASI, PERHUBUNGAN ANTARA SWASTA DENGAN PIHAK AWAM SERTA SELOK-BELOK PEMERINTAHAN NEGARA. --